

28 JUL 1997

LID-Ghana

GHANA BERMINAT ADAKAN PERKONGSIAN PINTAR DENGAN MALAYSIA

LANGKAWI, 28 Julai (Bernama) -- Ghana berminat untuk mengadakan perkongsian pintar dengan Malaysia dalam bidang pertanian, pemprosesan bahan pertanian dan prasarana, kata Naib Presiden Prof. John Evans Atta Mills hari ini.

Beliau berkata Ghana sebuah negara yang berasaskan pertanian perlu membangunkan sumber-sumber yang terdapat di negara itu.

"Jika kita boleh mendapatkan perkongsian dalam bidang ini, saya percaya kami akan dapat menyelesaikan banyak masalah," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri Sesi 1, hari pertama, Dialog Antarabangsa Langkawi (LID '97) di Berjaya Langkawi Beach and Spa Resort, di sini.

Berkaitan hubungan Malaysia-Ghana, Prof John berkata terdapat sektor swasta dari Malaysia yang telah beroperasi di Ghana.

"Saya berpendapat perkongsian pintar antara Malaysia-Ghana akan meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara itu," katanya.

Prof John berkata satu elemen penting konsep perkongsian pintar, yang diminati oleh Ghana ialah sistem ketelusan apabila berurusan dengan sektor swasta.

Prof John juga menyuarakan sokongannya terhadap tindakan bersatu antarabangsa untuk membanteras spekulator dalam pasaran mata wang.

Mengulas saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya membanteras spekulator mata wang, terutamanya terhadap "serangan" kepada mata wang Asean sejak tiga minggu lalu, Prof John berkata: "Kecuali kita berbuat sesuatu terhadapnya, banyak negara akan terdedah kepada serangan spekulatif tersebut.--BERNAMA

RV RI